

13 JUN 2003

PERDASAMA-BANK/I

PERDASAMA MAHU BANK KELUAR SEGERA PINJAMAN

Oleh: Tengku Noor Shamsiah

KUALA LUMPUR, 13 Jun (Bernama) -- Bank diseru mengeneipkan beberapa peraturan untuk mempercepatkan pengeluaran pinjaman ekoran pengumuman pakej rangsangan baru oleh kerajaan.

Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad baru-baru ini mengumumkan pakej ekonomi RM7.3 bilion untuk merangsang ekonomi negara ini.

Presiden Persatuan Pedagang dan Pengusaha Melayu (PERDASAMA) Datuk Moehamad Izat Emir berkata, bank telah menunjukkan minat menggalakkan menawarkan pinjaman kepada ahli perniagaan yang memerlukannya.

"Bagaimanapun, ianya hanya boleh diperolehi dari beberapa cawangan sahaja. Bank masih boleh memperbaiki peranan itu dengan lebih berkesan.

"Kami memerlukan lebih banyak bank memberi khidmat bukan sahaja di di peringkat negeri, malah di peringkat daerah," katanya kepada Bernama di sini hari ini.

Sebagai contoh, beliau berkata, bank perlu memberi khidmat kepada pelanggan di daerah yang kecil seperti Machang dan Pasir Mas di Kelantan atau di Kuala Kangsar atau Taiping di Perak.

Moehamad Izat berkata, bank tidak semstinya sentiasa merujuk kepada ibu pejabatnya apabila menerima permohonan pinjaman kerana ini akan menyebabkan kelewatan.

Katanya, setiap cawangan perlu diberi kuasa untuk untuk mengurus dan mengagihkan pinjaman dengan lebih cepat.

Dalam era teknologi maklumat dan komunikasi ini, beliau berkata, "Bank sepatutnya memendekkan karenah dan terus kepada perkara pokok dan membantu ahli perniagaan yang memerlukannya.

"Kami perlu focus bukan sahaja kepada ahli perniagaan yang bermasalah tetapi turut terhadap mereka yang ingin mengembangkan perniagaan.

Katanya, ramai anggota PERDASAMA telah memohon pinjaman tetapi menghadapi masalah dengan bank.

Terdapat kes-kes dengan bank dapat diselesaikan atas bantuan PERDASAMA.

Moehamad Izat berkata, ahli perniagaan Melayu mesti memperbaiki kemahiran komunikasi dan mewujudkan hubungan rapat dengan pihak bank.

"Mereka yang benar-benar bermasalah ekoran kelembapan ekonomi, tragedi 11 Sept, Sindrom Pernafasan Akut Yang Teruk dan yang terbaru perang Iraq, tidak akan menghadapi masalah mendapatkan pinjaman," katanya. -- BERNAMA

TNS KTC AHM